

BIDANG KERJASAMA 8:

MEMPERKASA PENYELARASAN HALAL MABIMS

Permintaan untuk produk dan perkhidmatan halal semakin mendapat sambutan menggalakkan dan meningkat dengan pesat didorong oleh peningkatan kesedaran di seluruh dunia. Penyelarasan halal terutamanya berkaitan peraturan, pembangunan penyelidikan dan pengiktirafan pensijilan amat diperlukan bagi menangani isu-isu semasa supaya sentiasa seiring dengan perkembangan arus perubahan trend industri halal global. Satu mekanisme yang bersesuaian perlu disepakati supaya pihak berkuasa dan badan halal dapat berkerjasama serta saling membantu dalam memacu perkembangan industri halal terutama di negara-negara MABIMS.

STRATEGI DAN FORMULASI:

- Strategi 1: Memperkuat penyelarasan teknikal halal MABIMS.
Program:
 - Pengiktirafan pensijilan halal negara-negara MABIMS.
 - Kerjasama dalam Bidang Fatwa berkaitan halal.
 - Kerjasama perkongsian maklumat dan data halal.
 - Pengharmonian Piawaian halal.
 - Promosi pengiktirafan pensijilan halal negara MABIMS.
 - Pembangunan Penyelidikan halal bersama MABIMS.
 - Pembangunan kompetensi auditor halal.

NEGARA PENYELARAS: MALAYSIA.